

# 60 kakitangan khas kira undi Sidang UMNO: Kad kenalan dimesti utk mengundi

**KUALA LUMPUR, Selasa** — Para perwakilan UMNO ke perhimpunan agung parti itu 26 Jun ini, diminta membawa kad pengenalan pada hari pemilihan bagi memastikan mereka boleh mengundi.

Kertas-kertas undi tidak akan diberikan kepada seseorang perwakilan yang gagal menunjukkan kad pengenalan dan mereka tidak berhak mengundi.

Ibu pejabat UMNO Malaysia akan menghantar telegram kepada seluruh Bahagian secepat mungkin, memberitahu secara rasmi mengenai syarat-syarat baru itu.

Demikian diumumkan oleh

Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan Majlis Tertinggi UMNO, Tan Sri Syed Nasir Ismail kepada pemberita selepas menyaksikan raptai cara-cara mengundi dan mengira undi bagi pemilihan 26 Jun ini di Ibu pejabat UMNO Malaysia, di sini pagi tadi.

## Raptai

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang menghadiri raptai itu hampir setengah jam puashati dengan persiapan-persiapan yang dibuat.

Raptai itu dilakukan oleh 60 orang belia yang dipilih khas untuk mengira undi pada hari pemilihan dan mereka akan diketuai oleh Timbalan Speaker Dewan Negara, Tan Sri Hamid Biddin.

Empat orang Ahli Jawatankuasa Pemilihan MT, Datuk

Haji Mustafa Jabar merangkap Setiausaha Agung UMNO, Ketua Pemuda UMNO, Datuk Haji Suhaimi Datuk Kamaruddin, Ketua Wanita UMNO, Datin Paduka Hajah Aishah Ghani dan Pemangku Setiausaha Kerja UMNO, Encik Ahmad Basir turut hadir.

Tan Sri Syed Nasir memberitahu, mana-mana perwakilan yang usur dan tidak dapat menghadiri perhimpunan itu mestilah memberitahu secara rasmi kepada Ibu pejabat UMNO.

Katanya, penggantinya mestilah membawa surat yang ditandatangani oleh Ketua atau Setiausaha Bahagian berkenaan mengesahkan penggantinya.

"Kita mahu memastikan, mereka yang datang mengundi terdiri dari perwakilan yang dipilih oleh Bahagian-Bahagian,

ujarnya. Mengenai tanda rahsia pada kertas undi, Tan Sri Syed Nasir menjelaskan, "tanda itu semata-mata untuk membezakan antara kertas undi yang sah dengan yang palsu."

Tanda itu, tambah beliau, tidak sekali-kali bagi mengesan pengundian seseorang.

Beliau memberi jaminan, setiap perwakilan bebas memilih dan undi mereka adalah terlalu sulit, "tidak siapa yang tahu melainkan diri sendiri dan Allah Taala," tambahnya.

## Jaminan

Menurut beliau, pihaknya akan dapat mengesan dengan mudah jika terdapat perbuatan yang cuba menyelewengkan kertas undi.

Katanya lagi, keputusan pemilihan jawatan Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap dan Timbalan Presiden dijangka dapat diketahui sebelum atau selepas jam 6 petang, sekiranya pengundian dan pengiraan undi berjalan lancar.

Beliau yakin, pemilihan akan berjalan dengan licin dan baik, kerana semua perwakilan UMNO terdiri dari mereka yang telah matang.

Kiraan undi akan dijalankan di Bilik Raja yang dikawal rapi. Sekiranya didapati kerosakan asal pada kertas undi, perwakilan boleh meminta yang baru dengan syarat ia belum dimasukkan ke dalam peti undi, kata Tan Sri Syed Nasir.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

No. Siri	11-1-81
No. Penerbitan	11-1-81